RHB BANK BERHAD
Registration No. 196501000373 (6171-M)

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Export Credit Refinancing Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

## EXPORT CREDIT REFINANCING (ECR)

Date: ____________________________
[to be filled by Relationship Manager]

### 1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

Export Credit Refinancing (ECR) is a scheme extended by Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) to provide short term financing to direct and indirect exporters (local suppliers to exporter), via the commercial banks. This scheme is presently governed by EXIM Bank's Guideline on ECR Facilities 2006.

There are two types of facilities offered under the ECR scheme i.e. pre-shipment financing and post-shipment financing.

**ECR Pre-shipment facility** is available to direct/indirect exporters to finance purchases from domestic and/or foreign suppliers prior to shipment of eligible goods to overseas buyers.

**ECR Post-shipment facility** is available to direct exporters who export eligible goods on sight or usance terms.

**BRIEF TERMS & CONDITIONS**

ECR facilities is eligible for a company which is incorporated in Malaysia involved directly or indirectly in export activity and international trade.

In order to have access to the ECR scheme, a direct/indirect exporter should first arrange for an ECR credit facility with RHB Bank.

The following must be submitted to EXIM Bank for consideration of access to ECR facility:

- Application for Access to ECR Facility;
- Latest Annual Report; and
- A bank draft / cheque of RM50.00 payable to Export-Import Bank of Malaysia Berhad.

The application must be endorsed by the RHB Bank i.e. Lending Units (which has granted the ECR credit facility) prior to submission to EXIM Bank. The direct/indirect exporter must present the Access approval letter together with relevant documents to RHB Bank upon approval from EXIM Bank.

RHB Bank would structure an ECR facility with the appropriate tenure according to your business requirement and trade cycle.

Security may be required by RHB Bank to establish the ECR facility.

You may be required to submit a list of its buyers/suppliers to RHB Bank for approval. The approved buyers'/suppliers' list will be reviewed by RHB Bank.

| Features | Pre-Shipment | Post Shipment |
|---|---|---|
| Financing Type | i. Domestic Purchase<br>ii. Foreign Purchase<br>iii. Overhead Expenses | Post Shipment |
| Margin of Financing | <u>Order Based</u>:<br>Direct Exporter: Up to 95% on value of export order (rounded downwards to the nearest thousand)<br><br>Indirect Exporter: Up to 95% of ECR Domestic Letter of Credit (DLC), ECR Domestic Purchase Order (DPO) / Local Purchase Order (LPO) - (rounded downwards to the nearest thousand) | Up to 100% of export bill value |
| | <u>Certificate of Performance (CP)</u><br>Direct Exporter: CP amount based on 100% of Export Value of preceding 12 months<br><br>Indirect Exporter: CP amount based on 80% of total value of ECR DLC/ ECR DPO/LPO received from ECR users, Free Trade Zone (FTZ)/ Licensed Manufacturing Warehouse (LMW) companies of preceding 12 months | |
| Amount | Min RM10,000 for lodgement<br><br>Min RM2,000 for drawdown | Min nominal value of RM10,000 (rounded downwards to the nearest thousand) for financing |
| Interest payable | Computed on daily outstanding balance, accumulated.<br><br>Payable on the last working day of the month or early discharge or on maturity of the Pre-shipment bill. | The interest payable is deducted upfront and the exporter will receive the discounted proceeds. |
| Period of Financing | Subject to maximum of 4 months. | Subject to minimum of 7 days and maximum of 6 months (183 days). |

### 2. WHAT DO I GET FROM THIS PRODUCT?

**ECR Pre-Shipment**: Pre-shipment facility is to facilitate the export of Malaysian products and trade prior to shipment and to encourage the backward linkages between the exporters and local suppliers in the export oriented industries.

**ECR Post Shipment:** Exporters can obtain immediate funds upon presentation of export documents after shipment of eligible goods.

### 3. WHAT ARE MY OBLIGATIONS?

You are required to:

- Comply with all requirements and terms and conditions as specified in the "Guidelines on ECR facilities" by EXIM Bank and all other requirements and conditions which may be prescribed by Bank Negara Malaysia from time to time.
- Ensure provide of correct & true information by the direct/indirect exporter to EXIM Bank. Otherwise it would result in the immediate termination of access to ECR facility.
- Ensure there are sufficient of funds in the account and to authorise the bank to debit your account with us for all charges incurred and also for the settlement of the matured ECR.

### 4. WHAT IS THE **CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED?**

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Export Credit Refinancing Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**Registration No. 196501000373 (6171-M)**

## EXPORT CREDIT REFINANCING (ECR)

Date: ____________________
[to be filled by Relationship Manager]

Processing ECR – 10.00am

Foreign currency payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time- latest 10.00am

Processing / Payment via RENTAS – 10.00am

Processing / Payment via IBG – 10.00am

### 5. WHAT OTHER CHARGES DO I HAVE TO PAY?

**a) Stamp Duties**

As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989)

**b) Processing Fees**

| | |
|---|---|
| **Interest Rate** | ECR interest is priced at ECR Funding Rate plus credit spread (max of 1% p.a.). EXIM Bank will determine ECR Funding Rate which may be changed from time to time.<br><br>The interest on Pre-shipment ECR is calculated as follows:<br><br>$I = \frac{P \times R \times T}{36500}$<br><br>where,<br>*I = Interest*<br>*P = Pre-shipment financing outstanding*<br>*R = Rate of interest*<br>*T= Number of days the financing is outstanding*<br><br>For post shipment the exporter will receive the discounted proceeds computed as follows:<br><br>$P = \frac{NV}{\frac{[r x t]}{36500} + 1}$<br><br>*where, P=Proceeds*<br>*NV=Nominal value*<br>*r=Interest rate*<br>*t=Number of days to maturity* |
| **Processing Fee** | RM10.00 per transaction |
| **ECR Domestic Purchase Order (DPO) Charges** | 0.05% flat of ECR DPO value, Min RM20.00, Max RM500.00 |
| **ECR Local Purchase Order (LPO) Charges** | 0.05% flat of invoice value, Min RM20.00, Max RM500.00 |
| **Checking fee for documents under LC** | RM25.00 per LC page, Max RM100.00 |
| **Handling (Service) Fee** | Payment – RM5.00<br><br>Stamping – RM5.00<br><br>Postage (local & foreign) – RM5.00 |

| | |
|---|---|
| **Cost of Swift** | see table below |
| **Cost of RENTAS** | RM3.00 |
| **Cost of Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Postage/ Delivery Charges** | |
| **<u>Local Party</u>** | |
| **Normal mail** | RM2.00 |
| **Registered mail** | RM3.00 |
| **Courier / hand delivery** | Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **<u>Foreign Party</u>** | |
| **Normal mail** | RM3.00 |
| **Registered mail** | RM5.00 |
| **Courier / hand delivery** | Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **Services Tax (ST)** | If any service made under this ECR is a taxable service to which the ST would apply, then the Bank reserves the right to levy ST at the prescribe rate and the recipient of the service agrees to pay the amount of ST.<br><br>You shall bear all professional fees, taxes (including service tax or sales tax and/or applicable taxes that maybe imposed by the relevant authorities at any time and from time to time throughout the subsistence of the ECR facility(ies)/) / service(s)), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of the ECR facility(ies) / service(s). |

Cost of Swift:

| | Payment /Short (RM) | Long (RM) |
|---|---|---|
| **Local** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Others** | 30.00 | 80.00 |

### 6. WHAT IF I FAIL TO FULFIL MY OBLIGATIONS?

All trade facilities are to be frozen immediately upon any ECR transaction turning overdue.

Overdue interest of BLR + penalty (x%) shall be imposed on all overdue bills. The present penalty rate is 3.5% p.a. The overdue interest shall be computed from the day the bill turns overdue until settlement.

In addition to the above, there will be an Overdue Bill Penalty fee of RM100.

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Export Credit Refinancing Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**Registration No. 196501000373 (6171-M)**

## EXPORT CREDIT REFINANCING (ECR)

Date: ______________________
[to be filled by Relationship Manager]

Table below summarizes the points at which a bill shall be classified as overdue:

| Facility | Upon … | Classified overdue …. | Overdue Pricing |
|---|---|---|---|
| Pre-shipment | 1. Maturity<br>2. Cancellation of DPO /LPO by direct exporter | When financing is not repaid on maturity date.<br>When indirect exporter is unable to repay outstanding financing immediately. | BLR + 3.5% p.a. charged from the date of overdue until settlement. |
| Post-Shipment | 3. Maturity<br>4. Dishonour of export documents | When financing is not repaid on maturity date.<br>When exporter is unable to discharge the bill. | BLR + 3.5% p.a. charged from the date of overdue until settlement. |

7. **WHAT IF I FULLY SETTLE THE FINANCING DURING THE LOCK-IN PERIOD?**

   Not Applicable

8. **DO I NEED ANY INSURANCE COVERAGE?**

   Not Applicable

9. **WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?**

   It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10. **WHERE CAN I GET ASSISTANCE AND REDRESS?**

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. You may contact

your **RHB Account Relationship Manager** or send an e-mail to us trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala lumpur
Tel : 03-2616 7766
Website : https://services.akpk.org.my/

If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may e-mail us at trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

OR
Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telephone: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: http://www.ofs.org.my

11. **WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION?**

Should you require any further information on our products, please visit nearest RHB Trade Finance Centre or log on to www.rhbgroup.com for more information.

12. **OTHER TRADE SERVICES OR FINANCING AVAILABLE**

We also provide an array of other transaction banking products, which may be able to suit your other needs. Kindly visit http://www.rhbgroup.com/ for further information.

**IMPORTANT NOTE:**

**IF YOU DO NOT KEEP UP WITH THE REPAYMENT OF YOUR FACILITIES, LEGAL ACTION MAY ALSO BE TAKEN AGAINST YOU.**

*The information provided in this disclosure sheet is valid from March 2022 and is subject to change at the Bank's discretion from time to time with prior notification*

*The information in this Product Disclosure Sheet is given on a general basis without obligation and is strictly for information only. The information contained in this document are based on certain assumptions and information available as at the date of this document, all of which are accordingly subject to change at any time with notice. This document may be translated into a language other than English. The English version of this Product Disclosure Sheet shall prevail in case of any inconsistencies with other language version*

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

*(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)*

**RHB BANK BERHAD**
**No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)**

## PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT (ECR)

Tarikh: ______________________________
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

### 1. APAKAH PRODUK INI?

Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) merupakan skim yang ditawarkan oleh Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) bagi menyediakan pembiayaan jangka pendek untuk pengeksport langsung dan tak langsung, melalui bank komersial. Pada masa ini, skim tersebut dikawal oleh Garis Panduan Exim Bank mengenai Kemudahan ECR 2006.

Terdapat dua jenis kemudahan yang ditawarkan di bawah skim ECR iaitu pembiayaan prakiriman dan pembiayaan pascakiriman.

**Kemudahan Prakiriman ECR** tersedia untuk pengeksport langsung/tak langsung bagi membiayai pembelian daripada pembekal domestik dan/atau asing sebelum kiriman barangan layak kepada pembeli luar negara.

**Kemudahan Pascakiriman ECR** tersedia untuk pengeksport langsung yang mengeksport produk layak berdasarkan terma tampak (*sight*) atau terma usans (*usance*).

**TERMA & SYARAT RINGKAS**

Syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan terlibat secara langsung atau tak langsung dalam aktiviti pengeksportan dan perdagangan antarabangsa layak untuk memohon kemudahan ECR.

Untuk mendapat akses kepada skim ECR, pengeksport langsung/tak langsung seharusnya mengatur kemudahan kredit ECR dengan RHB Bank terlebih dahulu.

Perkara berikut mesti diserahkan kepada EXIM Bank supaya akses kepada kemudahan ECR boleh dipertimbangkan:

- Permohonan bagi Akses kepada Kemudahan ECR;
- Laporan Tahunan Terkini; dan
- Draf bank / cek bernilai RM50.00 atas nama/bayar kepada Export-Import Bank of Malaysia Berhad.

Permohonan mesti diakui sah (*endorsed*) oleh RHB Bank, iaitu Unit Peminjaman (yang telah memberikan kemudahan kredit ECR) sebelum penyerahan kepada EXIM Bank. Pengeksport langsung/tak langsung mesti mengemukakan surat kelulusan Akses bersama dengan dokumen yang berkaitan, kepada RHB Bank apabila mendapat kelulusan daripada EXIM Bank.

RHB Bank akan menstrukturkan kemudahan ECR dengan tempoh yang sesuai mengikut keperluan perniagaan dan kitaran perdagangan anda.

Sekuriti/cagaran mungkin diperlukan oleh RHB Bank untuk mengadakan kemudahan ECR.

Anda mungkin dikehendaki supaya menyerahkan senarai pembeli/pembekal kepada RHB Bank untuk mendapatkan kelulusan. Senarai pembeli/pembekal yang diluluskan akan disemak oleh RHB Bank.

| Ciri-ciri | Prakiriman | Pascakiriman |
|---|---|---|
| Jenis Pembiayaan | i. Pembelian Domestik<br>ii. Pembelian Asing<br>ii. Perbelanjaan Overhed | Pascakiriman |
| Margin Pembiayaan | <u>Berdasarkan Pesanan</u>:<br>Pengeksport Langsung: Sehingga 95% berdasarkan nilai pesanan eksport (dijadikan nombor bulat yang rendah sehingga angka ribu yang terdekat)<br><br>Pengeksport Tak Langsung: Sehingga 95% daripada Surat Kredit Domestik (DLC) ECR, Pesanan Belian Domestik (DPO) / Pesanan Belian Tempatan (LPO) ECR - (dijadikan nombor bulat yang rendah sehingga angka ribu yang terdekat)<br><br><u>Sijil Prestasi (*Certificate of Performance* atau CP)</u><br>Pengeksport Langsung: Amaun CP berdasarkan 100% daripada Nilai Eksport bagi tempoh 12 bulan yang lalu<br><br>Pengeksport Tak Langsung: Amaun CP berdasarkan 80% daripada jumlah nilai DLC ECR/ DPO/LPO ECR yang diterima daripada pengguna ECR, syarikat Zon Perdagangan Bebas (FTZ)/ Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) bagi tempoh 12 bulan yang lalu | Sehingga 100% daripada nilai bil eksport |
| Amaun | Minimum RM10,000 untuk penyerahan (*lodgement*)<br><br>Minimum RM2,000 untuk penggunaan pinjaman | Nilai nominal minimum sebanyak RM10,000 (dijadikan nombor bulat yang rendah sehingga angka ribu yang terdekat) untuk pembiayaan |
| Faedah yang perlu dibayar | Dikira berdasarkan baki tertunggak harian, terkumpul.<br><br>Perlu dibayar pada hari kerja terakhir bulan tersebut atau pada tarikh pelepasan awal atau apabila bil Prakiriman menjadi matang. | Faedah yang perlu dibayar akan dipotong terdahulu dan pengeksport akan menerima hasil penerimaan terdiskaun. |
| Tempoh Pembiayaan | Tertakluk pada tempoh maksimum selama 4 bulan. | Tertakluk pada tempoh minimum selama 7 hari dan tempoh maksimum selama 6 bulan (183 hari). |

### 2. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

**ECR Prakiriman:** Kemudahan prakiriman adalah untuk memudahkan pengeksportan produk Malaysia dan perdagangan sebelum pengiriman, dan untuk menggalakkan rantaian ke belakang antara pengeksport dan pembekal tempatan dalam industri-industri berorientasikan eksport.

**ECR Pascakiriman:** Pengeksport boleh mendapat dana segera apabila mengemukakan dokumen eksport selepas pengiriman barangan layak.

### 3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Anda dikehendaki supaya:

- Mematuhi semua kehendak serta terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam "Garis Panduan mengenai kemudahan ECR" oleh EXIM Bank dan semua kehendak dan syarat lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- Memastikan pemberian maklumat yang betul dan benar oleh pengeksport langsung/tak langsung kepada EXIM Bank. Jika tidak, ia akan mengakibatkan penamatan segera akses kepada kemudahan ECR.
- Memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun, dan membenarkan pihak bank untuk mendebitkan, daripada akaun anda dengan kami, semua caj yang ditanggung dan juga untuk penyelesaian ECR yang matang.

### 4. BILAKAH WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI?

Pemprosesan ECR – pukul 10.00 pagi

Pemprosesan pembayaran dalam mata wang asing adalah tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan mata wang asing yang berkenaan-selewat-lewatnya pukul 10.00 pagi

Pemprosesan / Pembayaran melalui RENTAS – pukul 10.00 pagi

Pemprosesan / Pembayaran melalui IBG – pukul 10.00 pagi

### 5. APAKAH CAJ LAIN YANG PERLU SAYA BAYAR?

| | |
|---|---|
| **a) Duti Setem** | |
| Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak - 1989) | |
| **b) Fi Pemprosesan** | |
| **Kadar Faedah** | Faedah ECR dikira pada Kadar Pendanaan ECR, tambah tebaran kredit (maksimum 1% setahun). EXIM Bank akan menentukan Kadar Pendanaan ECR yang boleh diubah dari semasa ke semasa.<br><br>Faedah ke atas ECR Prakiriman dikira seperti berikut:<br><br>$I = \frac{P \times R \times T}{36500}$<br><br>iaitu,<br>*I = Faedah*<br>*P = Pembiayaan prakiriman yang tertunggak*<br>*R = Kadar faedah*<br>*T= Bilangan hari pembiayaan adalah tertunggak*<br><br>Bagi pascakiriman, pengeksport akan menerima hasil penerimaan terdiskaun yang dikira seperti berikut:<br><br>$P = \frac{NV}{\frac{r \times t}{36500} + 1}$<br>*iaitu,*<br>*P=Hasil penerimaan*<br>*NV=Nilai nominal*<br>*r=Kadar faedah*<br>*t=Bilangan hari sehingga kematangan* |
| **Fi Pemprosesan** | RM10.00 bagi setiap transaksi |
| **Caj Pesanan Belian Domestik (DPO) ECR** | Kadar sama rata 0.05% daripada nilai DPO ECR, Minimum RM20.00, Maksimum RM500.00 |
| **Caj Pesanan Belian Tempatan (LPO) ECR** | Kadar sama rata 0.05% daripada nilai invois, Minimum RM20.00, Maksimum RM500.00 |
| **Fi penyemakan untuk dokumen di bawah LC** | RM25.00 untuk setiap muka surat LC, Maksimum RM100 |
| **Fi (Perkhidmatan) Pengendalian** | Untuk pembayaran – RM5.00<br><br>Untuk menerakan setem pada dokumen – RM5.00<br><br>Bayaran pos (tempatan & luar negeri) – RM5.00 |
| **Kos SWIFT** | (lihat jadual di bawah) |
| **Kos RENTAS** | RM3.00 |
| **Kos Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Caj Pos/ Penghantaran** | |
| **<u>Tempatan</u>** | |
| **Surat biasa** | RM2.00 |
| **Surat berdaftar** | RM3.00 |
| **Kurier / serahan tangan** | Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00 |
| **<u>Luar Negeri</u>** | |
| **Surat biasa** | RM3.00 |
| **Surat berdaftar** | RM5.00 |
| **Kurier / serahan tangan** | Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00 |
| **Cukai Perkhidmatan (ST)** | Jika apa-apa perkhidmatan yang diberikan di bawah ECR ini merupakan perkhidmatan bercukai yang ke atasnya ST akan dikenakan, maka pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan ST pada kadar yang ditetapkan dan penerima perkhidmatan bersetuju untuk membayar jumlah ST itu.<br><br>Anda hendaklah menanggung semua fi profesional dan cukai (termasuk cukai perkhidmatan atau cukai jualan dan/atau cukai berkenaan yang mungkin dikenakan oleh pihak |

Kos SWIFT:

| | Pembayaran / Mesej Ringkas (RM) | Mesej Panjang (RM) |
|---|---|---|
| **Tempatan** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapura** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Lain-lain** | 30.00 | 80.00 |

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

*(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)*

| | |
|---|---|
| | berkuasa yang berkaitan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kemudahan / perkhidmatan ECR, dan perbelanjaan sendiri yang ditanggung dan sebarang fi atau perbelanjaan lain atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan kemudahan / perkhidmatan ECR. |

**6. BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL UNTUK MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?**

Semua kemudahan perdagangan akan dibekukan dengan serta-merta apabila mana-mana transaksi ECR menjadi lampau tempoh.

Faedah lampau tempoh sebanyak BLR + penalti ( x%) akan dikenakan ke atas semua bil lampau tempoh. Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun. Faedah lampau tempoh akan dikira dari hari bil menjadi lampau tempoh sehingga penjelasan bayaran.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, akan terdapat fi Penalti Bil Lampau Tempoh sebanyak RM100.

Jadual di bawah meringkaskan waktu bil akan dikelaskan sebagai lampau tempoh:

| Kemudahan | Apabila ... | Dikelaskan sebagai lampau tempoh ... | Penentuan Faedah Lampau Tempoh |
|---|---|---|---|
| Prakiriman | 1. Matang | Apabila pembiayaan tidak dibayar balik pada tarikh matang. | BLR + 3.5% setahun dikenakan dari tarikh lampau tempoh sehingga bayaran dijelaskan. |
| | 2. DPO/LPO dibatalkan oleh pengeksport langsung | Apabila pengeksport tak langsung tidak dapat membayar balik tunggakan pembiayaan dengan segera. | |
| Pascakiriman | 3. Matang | Apabila pembiayaan tidak dibayar balik pada tarikh matang. | BLR + 3.5% setahun dikenakan dari tarikh lampau tempoh sehingga bayaran dijelaskan. |
| | 4. Dokumen eksport menjadi tidak laku/tak layan | Apabila pengeksport tidak dapat melunaskan bil. | |

**7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN SEMUA BAKI PEMBIAYAAN SEMASA TEMPOH TERTUTUP?**

Tidak Berkenaan.

**8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN APA-APA PERLINDUNGAN INSURANS?**

Tidak Berkenaan.

**9. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT APA-APA PERUBAHAN KEPADA MAKLUMAT PERHUBUNGAN SAYA?**

Penting bahawa anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda patut menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi **Pengurus Perhubungan Akaun RHB** anda atau menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
Laman web : https://services.akpk.org.my/

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak mendapat penjelasan atau penyelesaian yang memuaskan daripada kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

ATAU
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:
Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman web: http://www.ofs.org.my

**11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk kami, sila kunjungi Pusat Pembiayaan Perdagangan RHB (*RHB Trade Finance Centre*) yang terdekat atau log masuk ke laman www.rhbgroup.com untuk mendapatkan maklumat tambahan.

**12. PERKHIDMATAN ATAU PEMBIAYAAN PERDAGANGAN LAIN YANG TERSEDIA**

Kami juga menyediakan pelbagai produk perbankan transaksi, yang mungkin dapat memenuhi keperluan anda yang lain. Sila lawati laman http://www.rhbgroup.com/ untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

*(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)*

**RHB BANK BERHAD**
**No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)**

## PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT (ECR)

Tarikh: ___________________________________
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

**CATATAN PENTING:**

**JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BALIK BAGI KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA ANDA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG JUGA BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA.**

*Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah dari Mac 2022 dan adalah tertakluk pada perubahan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan terdahulu*

*Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara am tanpa tanggungjawab, dan adalah semata-mata untuk maklumat anda. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah berdasarkan andaian tertentu dan maklumat yang boleh didapati seperti pada tarikh dokumen ini, dan oleh demikian, kesemuanya adalah tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dengan notis. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam sesuatu bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Versi Bahasa Inggeris Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah mengatasi versi bahasa lain sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten*